

12 jam dalam bas

■ Penuntut USIM terpaksa cari alternatif berikutan Lapangan Terbang Antarabangsa di Yogyakarta ditutup

Jakarta

Sejumlah 104 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terpaksa mengharungi perjalanan selama 12 jam menaiki bas ke sini, berikutan Lapangan Terbang Antarabangsa Adisucipto di Yogyakarta ditutup susulan letusan Gunung Berapi Kelud di Jawa Timur, Khamis lalu.

Mereka terpaksa meredah perjalanan yang lama itu untuk di-

tempatkan di Dewan Malaysia Jakarta (MHJ) dua hari lalu (Sabtu), sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Kesemua pelajar berkenaan yang turut diiringi tiga pegawai dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) itu, sepatutnya berlepas pulang ke tanah air dari lapangan terbang berkenaan pada 15 Februari.

Pengarah Education Malaysia di Indonesia, Prof Madya Dr Juzhar

Jusoh berkata pihaknya mengambil inisiatif memin-dahkan semua peserta rombongan itu bagi memastikan keselamatan mereka.

Mengikut jadual asal, katanya rombongan itu sepatutnya pulang ke Kuala Lumpur melalui lapangan terbang itu sebaik selesai men-jayakan Program Pengembaraan USIM GISO 2014: Misi Bantuan Ke-

manusiaan Ke Yogyakarta selama enam hari.

Bagaimanapun, beliau berkata berikutan debu lapangan terbang tersebut ditutup dan semua penerbangan dibatalkan sehingga kini.

Katanya, semua anggota rombongan akan berlepas pulang ke tanah air melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno Hatta di sini, dalam tempoh terdekat.

"Mereka akan berlepas pulang dari Jakarta memandangkan (syarikat penerbangan) AirAsia memberi kelonggaran untuk menaiki pesawat dari mana-mana lapangan terbang di Indonesia.

"Kesemua pelajar dalam keadaan sihat dan sebahagian kecil yang masih keletihan kerana terpaksa menempuh perjalanan yang jauh," katanya. - BERNAMA

FAKTA

104 penuntut
USIM

ditempatkan ke
Dewan Malaysia
Jakarta